

**Tarikh Dibaca: 09 Sept 2022M | 12 Safar 1444H**



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“LINDUNGI HARTA, AWASI SCAMMER”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## "LINDUNGI HARTA, AWASI SCAMMER"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ  
بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا  
تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ۝١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ۝١٠٢

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Khatib mengajak kepada seluruh kaum Muslimin marilah bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita dibangkitkan dalam kalangan mereka yang bertakwa di akhirat.

<sup>1</sup> al-Nisa : 29

<sup>2</sup> ali-Imran : 102



Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk  
**"LINDUNGI HARTA, AWASI SCAMMER."**

**Hadirin sidang jemaah yang berbahagia,**

Memelihara harta adalah salah satu daripada Maqasid al-Syariah. Perbuatan mengambil harta dan merampas hak orang lain adalah batil dan haram serta berdosa dan kita sangat dilarang melakukannya. Perbuatan tersebut akan mengancam keharmonian dan pastinya akan membawa mudarat yang besar dalam kehidupan umat Islam dan seluruh masyarakat. Allah SWT menegaskan perkara ini menerusi firman-Nya dalam surah al-Nisa ayat 29 yang dibacakan pada mukaddimah khutbah ini bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu."*

Mengambil harta orang lain dengan cara yang batil seperti mencuri, merompak, menipu, memperdaya, judi bahkan yang semakin menjadi-jadi adalah penipuan melalui siber atau scammer. Ada yang menyalahguna kemajuan teknologi maklumat untuk melakukan jenayah penipuan dalam talian bertujuan memperdaya ramai mangsa. Penjenayah yang dikenali sebagai scammer berniat jahat merampas harta dan wang milik mangsa dengan cara memujuk, menipu, menakut-nakutkan, memperdaya dan memeras ugut mangsa-mangsa tersebut. Paling meresahkan dan menyedihkan apabila kebanyakan penjenayah yang telah ditangkap terdiri dalam kalangan mereka yang beragama Islam. Ini bukanlah sikap orang



Islam yang sebenarnya apabila bertindak menzalimi dan menipu orang lain sebagaimana hadis riwayat daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ،  
وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ

*“Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lain, dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya untuk disakiti. Siapa yang membantu keperluan saudaranya, maka Allah akan menunaikan hajatnya.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Kita mestilah mengambil peduli mengenai bentuk-bentuk jenayah dalam talian seperti macau scam, pinjaman tidak wujud, pelaburan tidak wujud, love scam atau parcel scam dan jenayah e-dagang. Wujud juga jenayah dalam bentuk penipuan panggilan seperti, kononnya mereka melakukan penculikan ahli keluarga kita untuk meminta wang tebusan, penipuan cabutan bertuah dan penipuan memenangi peraduan atau percutian. Apa yang membimbangkan ialah, kes-kes jenayah dalam talian ini semakin meningkat saban tahun. Bagi tahun 2022 sahaja, sehingga Julai lalu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan ialah sebanyak 13,137 kes. Manakala jumlah tangkapan adalah sebanyak 6,947 kes. Jumlah keseluruhan kerugian yang dicatatkan ialah melebihi RM427 juta adalah sangat membimbangkan.



Modus operandi penjenayah ini sentiasa berubah. Mereka sangat licik melakukan penyamaran sebagai ahli keluarga, sahabat handai, orang kenamaan dan sebagainya sehingga menjadikan mangsa percaya dan terpedaya dengan pujukan mereka. Malah, mereka juga menyamar sebagai pihak berkuasa seperti polis, pegawai pencegahan rasuah, pegawai kastam, wakil mahkamah, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri, pegawai bank dan lain-lain untuk mengugut mangsa supaya melakukan apa yang mereka suruh.

Antara punca yang menyebabkan mangsa mudah terpedaya ialah kebiasaannya penjenayah-penjenayah ini dapat menyebut identiti mangsa dengan tepat. Mangsa juga langsung tidak diberi ruang masa untuk berkomunikasi dengan orang lain. Selain itu, mangsa juga diugut akan ditangkap, dituduh, direman dan dikenakan tindakan dibawah akta pengubahan wang haram (AMLA) yang menjadikan mangsa berasa takut sehingga sanggup mengikut arahan yang diberikan penjenayah.

Oleh itu, sekiranya kita menerima panggilan yang sedemikian, janganlah panik dan teragak-agak untuk menamatkan panggilan tersebut. Buatlah catatan maklumat dan maklumkan perkara tersebut kepada ahli keluarga supaya mereka dapat membantu kita untuk mencari jalan penyelesaian terbaik dan laporkanlah segera kepada pihak berkuasa. Kita mesti mengambil tahu bahawa apa-apa urusan lebih-lebih lagi yang melibatkan urusan rasmi kerajaan seperti urusan mahkamah, ianya sama sekali tidak akan dilakukan secara dalam talian sahaja sebaliknya perlu dijalankan secara bersemuka apatah lagi jika melibatkan urusan seperti pembekuan aset. Rujuklah agensi atau pihak berkaitan secara terus sebelum melakukan apa-apa tindakan. Khatib mengingatkan bahawa jika



kita melalui situasi ini, janganlah bertindak melulu dan bersendirian, berkongsilah dengan ahli keluarga atau mereka yang boleh memberikan nasihat terbaik untuk kita mengambil tindakan yang bijak.

### **Hadirin yang berbahagia,**

Situasi ketidaktentuan ekonomi dunia turut menjadi penyebab kesusahan hidup masyarakat. Dalam kesempitan tersebut, penjenayah juga licik menawarkan pinjaman tidak wujud melalui aplikasi telefon dan khidmat penghantaran mesej seolah-olah ianya daripada pihak bank dan institusi kewangan. Mangsa yang terpedaya dikehendaki membayar wang untuk proses pinjaman tersebut yang sebenarnya tidak wujud. Akibatnya, mangsa yang terdesak semakin dihimpit kesempitan wang.

Justeru, khatib sekali lagi mengingatkan kepada semua, janganlah sesekali percaya dengan sebarang tawaran pinjaman melalui kaedah ini kerana ianya adalah antara taktik penipuan penjenayah dalam talian.

### **Hadirin sekalian,**

Khatib benar-benar mengingatkan, jangan sekali-kali terlibat dengan aktiviti jenayah ini, antaranya bertindak bersubahat atau rela dipergunakan, membiarkan akaun bank kita digunakan oleh orang lain secara sukarela bagi mendapatkan sedikit habuan mahu pun dengan cara penipuan untuk transaksi kewangan yang tidak sah atau menyalahi undang-undang. Kebanyakan mereka yang sanggup terlibat dengan akaun keldai atau akaun tumpang ini ialah golongan yang terdesak atau mengejar pendapatan lebih dan mempunyai tahap celik kewangan yang rendah. Antara golongan yang sering menjadi mangsa adalah suri rumah, penganggur, pelajar dan warga emas. Mereka telah ditawarkan dengan



habuan yang lumayan oleh sindiket tersebut. Berdasarkan statistik, sebanyak 205,544 akaun keldai telah dapat dikesan sejak tahun 2014, sebanyak lebih daripada 34,000 tangkapan telah dilakukan daripada tahun 2016 sehingga bulan Mac 2022. Kebanyakan yang didakwa adalah pemilik akaun itu sendiri sedangkan sindiket masih lagi bebas berleluasa dengan mencari mangsa lain pula sebagai keldai akaun.

Justeru, sebagai pemegang akaun bank, kita bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa jua transaksi dan maklumat perbankan peribadi kita. Janganlah kita mendedahkan atau berkongsi apa jua maklumat perbankan peribadi dengan orang lain untuk apa-apa tujuan sekalipun, walau pun untuk tujuan permohonan pekerjaan mahu pun pinjaman dengan mana-mana pihak. Selidiki terlebih dahulu latar belakang dengan siapa kita berinteraksi.

Bersama-samalah kita menyedarkan ahli keluarga, jiran tetangga, rakan taulan dan sanak saudara supaya menjadi masyarakat yang bijak dan berhati-hati supaya tidak terperangkap menjadi akaun keldai ini sama sekali. Laporkan kepada pihak bank atau polis jika berlaku kehilangan kad bank atau penyalahgunaan akaun bank. Di samping itu, janganlah bersekongkol dengan pihak yang meminta kita melakukan aktiviti mencurigakan seperti membuat pindahan wang kepada orang yang tidak dikenali.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:



1. Umat Islam dilarang melakukan perbuatan mengambil harta dan merampas hak orang lain dengan cara yang batil. Buruk kesannya kepada orang lain dan seluruh masyarakat.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dengan sebarang panggilan telefon yang mencurigakan, elakkan diri kita daripada menjadi mangsa sindiket penipuan terancang.
3. Lindungilah data peribadi kita dan akaun bank supaya terhindar daripada perangkap sindiket yang menjana akaun keldai.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُم مِّنْ  
دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿١١٣﴾

*“Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berbuat demikian), api Neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan.”*

*(Hud : 113).*





بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا  
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا  
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا  
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ ﴿٣١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.